

SISTEM KAJIAN PENGESANAN GRADUAN UUM 2011 DIBUKA

University Teaching and Learning Centre

Telah Dihantar: 28 Ogos 2011 7:53

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

Sk: UUM - UTLC

28 Ogos 2011 / 28 Ramadhan 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"**(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Yang Berusaha Prof./Tuan/Puan

Adalah dimaklumkan bahawa Kajian Pengesanan Graduan (*Tracer Study*) UUM akan dilaksanakan secara dalam talian (*online*) oleh Kementerian Pengajian Tinggi mulai **1 September hingga 7 Oktober 2011**. Responden yang terlibat adalah semua pelajar tempatan dan antarabangsa yang tersenarai sebagai graduan Konvokesyen UUM ke-24, tahun 2011.

Objektif kajian ialah untuk mengukur tahap kebolehpasaran graduan serta persepsi mereka terhadap keberkesanan program akademik dan sistem penyampaian universiti. Maklum balas responden diambil kira untuk penarafan (*rating*) universiti dalam Sistem Penarafan IPT Malaysia (SETARA).

Sehubungan itu, sukacita sekiranya Yang Berusaha Prof./tuan/puan yang mempunyai saluran untuk berhubung dengan graduan dapat turut membantu membuat hebahan supaya mereka mengisi kajian ini, iaitu dengan melayari <http://graduat.mohe.gov.my>. Ini penting kerana kegagalan pelajar berbuat demikian boleh mengganggu proses pengambilan jubah pada hari konvokesyen nanti.

Sekian, terima kasih.

Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)

Urus setia Kajian Pengesanan Graduan

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM SINTOK

KEDAH DARUL AMAN.

TEL : 04-928 4051

FAKS : 04-928 4054

E-MEL : utlc@uum.edu.my